dilaporkan adalah sebanyak 86,127 kes dan 71% daripada jumlah keseluruhan yang dijangkiti HIV adalah melalui perkongsian jarum dan alat suntikan daripada pengguna dadah, aktiviti hubungan seks yang tidak selamat dan yang terakhir ialah daripada ibu kepada anak (MAC, 2010).

Antara faktor yang mendorong kepada penularan kes HIV/AIDS di Malaysia adalah disebabkan oleh tingkah laku perkongsian jarum suntikan dalam kalangan IDU dan juga hubungan seks yang tidak selamat. Secara amnya, Malaysia bukanlah sebuah negara yang mengeluarkan dadah dan ia telah membuktikan trend yang sama dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, kesan daripada kedudukan geografi yang berhampiran dengan segitiga emas iaitu Myanmar, Laos dan Thailand serta beberapa negara Asia Tenggara yang menghasilkan heroin, amphetamine dan beberapa jenis dadah lain telah menyebabkan Malaysia terdedah dengan masalah penyalahgunaan dadah (Reid, Kamarulzaman & Sran, 2005). Pengedaran dadah ke Malaysia melalui segitiga emas berlaku melalui jalan darat merentasi sempadan Thailand Malaysia dan juga jalan laut (Agensi Narkotik Kebangsaan, 2001).

Dalam konteks Malaysia, penyalahgunaan dadah telah bermula dengan pengambilan opium pada awal abad ke-18 (Spencer & Navaratnam, 1981). Perubahan tingkah laku pengguna dadah daripada menghisap kepada menyuntik merupakan permulaan kepada epidemik infeksi HIV di Malaysia (UNAIDS & UNODC 2000). Pengambilan dadah secara suntikan merupakan cara penyebaran HIV di dalam komuniti IDU di Malaysia. Tingkah laku menggunakan dadah secara menyuntik berlaku disebabkan oleh tekanan daripada rakan sebaya, peningkatan harga heroin, pengurangan ketulenan heroin, kekurangan bekalan heroin di pasaran dan keinginan meningkatkan perasaan kekusyukkan (Reid, Kamarulzaman, & Sran, 2005).

Tingkah laku seks IDU juga mempengaruhi epidemik HIV dalam kalangan pengguna dadah. Tingkah laku seks berisiko tinggi berlaku di antara IDU dengan pasangan seks mereka seperti isteri dan pekerja seks. Satu kajian yang dilakukan pada tahun 1998 mendapati bahawa 78% daripada 6,000 pengguna dadah lelaki aktif secara seksual dengan 55% dengan teman wanita, 31% dengan pekerja seks dan 5% dengan teman lelaki (Reid, Kamarulzaman & Sran, 2005). Tingkah laku seks tidak selamat seperti tidak memakai kondom adalah tinggi dalam aktiviti seks IDU dengan pasangan mereka kecuali apabila mereka diberi tekanan dalam konteks melakukan hubungan seks dengan pekerja seks (Reid, Kamarulzaman & Sran, 2005).

Kes AIDS pertama di Malaysia yang dilaporkan pada tahun 1986 dan sejak itu berlaku trend peningkatan kes yang mendadak dalam bilangan kes yang dilaporkan (Goh, et. al., 1987). Malaysia telah sampai ke satu tahap iaitu dengan jangkitan 18 kes baru jangkitan HIV, 3 kes AIDS dan 3 laporan kematian akibat AIDS setiap hari (Chua Soi Lek, 2006). Di negara Malaysia, sehingga Jun 2009, peratusan kes HIV yang telah dilaporkan adalah sebanyak 86,127 kes dan 71% daripada jumlah keseluruhan yang dijangkiti HIV adalah melalui perkongsian jarum dan alat suntikan daripada pengguna dadah, aktiviti hubungan seks yang tidak selamat dan yang terakhir ialah daripada ibu kepada anak (MAC, 2010).

IDU bukan sahaja mengalami epidemik HIV/AIDS tetapi juga pelbagai kesan negatif kesihatan lain yang berhubung dengan tingkah laku mereka. Pelbagai virus yang berjangkit melalui darah seperti Hepatitis C (HCV) sangat biasa berlaku dalam kalangan IDU. Pada lewat dekad 1990-an, satu kajian keratan rentas yang dilakukan dalam kalangan IDU di Kuala Lumpur mendapati bahawa kadar jangkitan HCV telah menular sebanyak 100%. Selain itu, kesan kesihatan daripada aktiviti menyuntik dadah termasuklah jangkitan bakteria, kulat dan parasit lain akibat menggunakan alat menyuntik yang tidak steril. Luka bernanah dan 'thrombophlebities' sering dialami



akibat jarum yang kotor serta pelbagai jangkitan pernafasan dan pelbagai tahap malnutrisi yang dialami oleh IDU (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006).

Beberapa kajian etnografik yang dijalankan terhadap IDU mendapati penggunaan peralatan menyuntik seperti kapas yang dijadikan penapis “filter” dalam menyaring dadah selepas dimasak sebelum disuntik. Tingkah laku berisiko tinggi ini dikenal pasti daripada penggunaan “filter” secara berulang kali ini sehingga melebihi daripada tiga kali (Gyarmathy et al., 2006; Huo et al., 2005; Millson et al., 2003). Lebih daripada itu, IDU yang mengamalkan tingkah laku ini tidak menyedari bahawa risiko infeksi HCV boleh berlaku.

Justeru, pada tahun 2006, KKM telah melaksanakan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan( NSEP), yang menyediakan perkhidmatan pertukaran jarum dan alat suntikan yang steril, pemberian kondom, sumber pendidikan bertulis seperti pendidikan penggunaan selamat, pendidikan seks selamat dan perkhidmatan perubatan asas. Dalam pada itu juga, perkhidmatan rujukan mengikut keperluan klien, kaunseling ujian antibodi HIV (VCT) dan lain-lain lagi perkhidmatan yang berkaitan bagi membolehkan IDU mengamalkan tingkah laku menyuntik yang berbentuk pengurangan risiko, mengamalkan tingkah laku seks yang berbentuk pengurangan risiko, meningkatkan pengetahuan mengenai pengetahuan penyakit bawaan darah selain HIV/AIDS seperti HCV, menimbulkan kesedaran dalam mengetahui status antibodi HIV dan mengembalikan IDU yang sering tersisih mendapatkan hak mereka sebagai rakyat Malaysia dalam konteks kesihatan dan kebajikan.

Setelah sepuluh tahun NSEP ini dilaksanakan dengan pelbagai kontroversi daripada pelbagai sudut pandangan masyarakat dan juga jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dengan objektif pengurangan seperti pengurangan permintaan dadah

dan juga pengurangan penawaran dadah. Pelbagai jenis stigma, undang-undang dan polisi berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dilihat sebagai penyataan masalah kepada pencapaian objektif NSEP iaitu mengurangkan risiko epidemik HIV/AIDS di kalangan IDU.

IDU selalu berhadapan dengan isu stigma dan ianya menjadi lebih serius apabila stigma ini menjadi dwi stigma iaitu berkenaan dengan dadah dan HIV/AIDS sehingga menyebabkan golongan ini terlepas daripada peluang atau akses program-program pencegahan, rawatan dan penjagaan. Bagi sesetengah masyarakat melihat IDU dengan perspektif yang negatif dengan mengandaikan bahawa IDU yang hidup dengan HIV tidak penting kerana infeksi yang berlaku itu adalah kerana perbuatan sendiri yang disebabkan oleh keruntuhan moral IDU tersebut berbanding dengan individu yang tidak menggunakan dadah yang hidup dengan HIV. Stigma terhadap IDU yang mengikuti NSEP ini seolah-olah peserta dalam program hanya ingin melepaskan gian atau ingin mendapatkan perasaan seronok menggunakan dadah seperti perasaan 'euphoria' daripada memberikan perhatian mengenai tingkah laku menyuntik yang selamat.

Stigma atau tanggapan negatif terhadap IDU yang terlibat dalam NSEP seperti menggalakkan lagi IDU untuk menggunakan dadah dalam mod atau jumlah suntikan yang meningkat kerana IDU memperolehi jarum dan picagari secara percuma. Selain itu pengguna dadah yang tidak menyuntik akan mengamalkan tingkah laku menyuntik ketika mengambil dadah. Tiada bukti menunjukkan bahawa selepas pengenalan NSEP dilaksanakan, jumlah pengguna dadah meningkat, jumlah pengguna dadah yang tidak menyuntik beralih kepada tingkah laku menyuntik meningkat dan IDU menyuntik dadah dengan kekerapan yang tinggi (Mauer & King, 2007). Satu kajian yang dijalankan di Alaska, Amerika Syarikat yang melibatkan 600 IDU dibuat bagi melihat kadar kekerapan menyuntik dadah meningkat atau tidak di

kalangan IDU yang mendapat akses jarum dan picagari daripada NSEP. Pemilihan secara rawak terhadap IDU yang mendapat akses perkhidmatan NSEP dengan IDU yang dilatih membeli jarum dan picagari di farmasi, penemuan kajian dalam tempoh enam atau 12 bulan tidak menunjukkan sebarang perbezaan dalam konteks kekerapan kadar menyuntik bagi kedua-dua kumpulan tersebut (Fisher, Fenaughty, Cagle & Wells, 2003).

IDU sering disisihkan dan golongan ini tidak mendapat maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan pencegahan HIV yang baik. Tingkah laku penyisihan yang terbentuk dalam diri IDU juga terbentuk daripada sikap individu, keluarga, kumpulan dan komuniti dalam persekitaran IDU terbabit. Fenomena ini menyebabkan maklumat HIV, peralatan menyuntik steril, kondom, pendidikan rakan sebaya, penjagaan kesihatan primer dan rujukan untuk perkhidmatan lain, termasuk rawatan ubat-ubatan tidak dapat disampaikan kepada IDU (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006).

Dalam kebanyakan negara, jenayah yang disebabkan oleh IDU memang wujud. Penggunaan dadah dengan kaedah menyuntik adalah satu aktiviti haram dan terselindung yang meningkatkan kepada perbuatan penyisihan diri IDU (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006). Penyaluran perkhidmatan rawatan dan pencegahan HIV menjadi lebih sukar di kalangan IDU. Satu kajian yang dilakukan di Hungary mengenai IDU yang membawa jarum dan picagari tidak menjadi satu kesalahan namun pihak polis akan menggunakan alasan bahawa dengan membawa jarum dan picagari seseorang individu itu akan dituduh menggunakan dadah dan kenyataan ini jelas sekali melabelkan tentang tingkah laku penggunaan dadah yang merupakan satu jenayah di situ (Tapolanszky, 2002). Situasi yang sama juga ditemui di Rusia (Rhodes et al., 2003).

Undang-undang yang ada pada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan dengan penyalahgunaan dadah yang sedia ada di Malaysia seperti Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda RM5,000 jika sabit kesalahan (PDRM, 2012). Bagi seksyen 27 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) membolehkan pegawai polis menggeledah dan merampas alat yang digunakan untuk menyuntik dadah termasuk picagari (Akta Dadah Berbahaya, 1952). Undang-undang yang ada pada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) berkaitan dengan penggunaan dadah pula ialah Seksyen 3 Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (AADK, 2012), juga mempengaruhi kepada pembentukan tingkah laku penyisihan dan akses untuk perkhidmatan NSEP sukar dicapai oleh pihak pelaksana perkhidmatan. Situasi seperti ini dikhuatiri mempengaruhi kepada tingkah laku berisiko tinggi dalam konteks aktiviti memasukkan dadah ke dalam badan dengan mengamalkan tingkah laku suntikan yang berisiko tinggi seperti berkongsi peralatan menyuntik.

Polisi yang terdapat pada badan-badan penguatkuasaan seperti PDRM yang terlibat dalam polisi pengurangan penawaran, pihak Jabatan AADK dengan polisi pengurangan permintaan dan pihak KKM dengan polisi pengurangan kemudaran telah menimbulkan konflik dalam implementasi polisi itu sendiri. IDU yang terlibat dengan NSEP terpaksa berhadapan dengan polisi-polisi tersebut dalam kehidupan harian mereka secara langsung pembentukan tingkah laku penyisihan berlaku dengan tahap ukuran yang tinggi jikalau pengimplementasian polisi digandakan dalam konteks memenuhi standard atau penanda aras yang ditetapkan oleh jabatan PDRM atau AADK itu sendiri. Adalah menjadi satu keperluan untuk memantau perundangan yang wujud dan kepolisan masyarakat untuk memastikan undang-undang dan amalan-amalan yang memudahkan akses kepada pengguna-pengguna dadah dengan tujuan mengurangkan jangkitan HIV di kalangan IDU dapat

dilestarikan (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006).

Secara langsung, tingkah laku penyesihan yang berlaku ini menyukarkan akses rutin seperti pertukaran jarum tercemar dengan jarum yang steril dan situasi ini dikhuatiri akan mempengaruhi pembentukan tingkah laku yang berisiko tinggi seperti perkongsian jarum dan alat suntikan yang lain. Malah capaian kepada IDU baru yang belum berdaftar dalam NSEP turut mengalami kesukaran. Rangkaian perhubungan yang cepat diantara IDU yang berdaftar dalam NSEP dengan IDU yang belum berdaftar merupakan faktor kepada kesukaran pekerja temuseru NSEP melakukan advokasi dalam proses mendaftarkan IDU ke dalam NSEP. Isu berkaitan penangkapan IDU yang berdaftar dalam NSEP masih agak tinggi jumlahnya. Bagi IDU yang pernah ditahan oleh polis, mereka ini akan berasa lebih takut berbanding dengan IDU yang belum pernah ditahan oleh polis ((EMCDDA, 2002). Situasi seperti ini boleh menimbulkan persepsi negatif dikalangan IDU untuk menyertai NSEP kerana mereka beranggapan segala maklumat diri yang diberikan semasa proses pendaftaran akan digunakan oleh pihak yang melaksanakan NSEP bagi tujuan bekerjasama dengan pihak PDRM atau AADK (Ramthan, komunikasi personal, April 13, 2012) . Tingkah laku ini menyebabkan akses kepada golongan IDU akan menjadi sukar dan situasi ini boleh menyebabkan terbentuknya tingkah laku berisiko.

Berdasarkan kepada perbincangan diatas, ternyata masih kurang kajian-kajian dan dokumen-dokumen berkaitan NSEP dalam konteks di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini mengkaji ciri-ciri sosiodemografi IDU di Pulau Pinang, pengetahuan IDU seperti pengetahuan mengenai HIV/AIDS, HCV dan perkhidmatan NSEP, meneroka tingkah laku suntikan dan tingkah laku hubungan seks, meneliti halangan dan tekanan yang dihadapi dalam mengamalkan tingkah laku pengurangan risiko dan diharapkan daripada penemuan kajian ini juga beberapa strategi dibentuk bagi

meningkatkan keberkesanan NSEP dalam konteks pembentukan tingkah laku pengurangan risiko dalam kalangan IDU.

## **1.2 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, pengkaji telah memfokus kepada persoalan kajian seperti berikut:

- I. Apakah ciri-ciri sosiodemografi IDU yang terlibat dalam NSEP.
- II. Sejauhmanakah pengetahuan IDU yang terlibat dalam NSEP berkaitan pengetahuan mengenai HIV/AIDS, HCV, VCT dan perkhidmatan NSEP.
- III. Apakah bentuk tingkah laku IDU yang terlibat dalam NSEP berkaitan dengan tingkah laku suntikan dadah dan tingkah laku hubungan seks.
- IV. Apakah halangan dan tekanan yang dihadapi IDU dalam mengamalkan tingkah laku pengurangan risiko.
- V. Apakah implikasi kajian ini kepada praktis kerja sosial dan strategi yang boleh meningkatkan keberkesanan NSEP dalam membentuk tingkah laku pengurangan risiko IDU.

## **1.3 Objektif Kajian**

- I. Mengkaji ciri-ciri sosiodemografi IDU yang terlibat dalam NSEP.
- II. Meneroka pengetahuan IDU yang terlibat dalam NSEP berkaitan dengan pengetahuan HIV/AIDS, HCV, VCT dan perkhidmatan NSEP.
- III. Meneroka bentuk tingkah laku IDU yang terlibat dalam NSEP berkaitan dengan tingkah laku suntikan dadah dan tingkah laku hubungan seks.
- IV. Menganalisis halangan dan cabaran IDU dalam mengamalkan tingkah laku pengurangan risiko.
- V. Meneroka implikasi dan cadangan strategi yang boleh meningkatkan lagi keberkesanan NSEP ke arah pembentukan tingkah laku pengurangan risiko IDU.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Dalam konteks di Malaysia, NSEP telah dilaksanakan dalam tempoh sepuluh tahun. Kajian yang dilakukan ini merupakan satu eksplorasi awal yang menggunakan pendekatan kajian kes dalam melihat pengetahuan IDU berkaitan pengetahuan mengenai HIV/AIDS, HCV, VCT dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada dalam NSEP serta melihat sebarang perubahan tingkah laku dalam konteks pengurangan risiko IDU dalam NSEP.

Kajian ini melihat pengetahuan IDU dalam NSEP, mengenai virus bawaan darah yang berlaku disebabkan oleh tingkah laku berisiko tinggi seperti HIV/AIDS dan HCV. Pengetahuan yang terbentuk dalam kalangan IDU mengenai virus berjangkit ini, menunjukkan kesedaran dalam penjagaan kesihatan secara holistik dan meminimumkan risiko-risiko berkaitan dengan penggunaan dadah secara suntikan. Pengetahuan yang berlaku boleh mempengaruhi kepada pembentukan tingkah laku suntikan pengurangan risiko ketika aktiviti menyuntik dadah oleh IDU.

Pengetahuan terhadap NSEP itu sendiri berkaitan objektif NSEP dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan dalam NSEP sehingga mempengaruhi kepada pembentukan tingkah laku. Berdasarkan kepada NSEP, penyediaan bahan berasaskan maklumat, pendidikan dan komunikasi yang berkaitan dengan HIV/AIDS, HCV, VCT, kaedah suntikan selamat dan direktori rujukan yang berkaitan jelas menunjukkan NSEP merupakan satu pakej yang komprehensif kerana program ini telah menunjukkan tahap pengukuran yang positif dalam tingkah laku yang berisiko di kalangan IDU.

Selain daripada itu, pengetahuan terhadap kaunseling dan ujian antibodi HIV (VCT) juga penting dalam konteks pengurangan risiko. VCT merupakan kaedah terbaik bagi IDU mengetahui status mereka berkaitan dengan HIV. Secara langsung IDU yang disahkan positif dalam ujian tersebut boleh mendapatkan rawatan dan

terapi antiretroviral (ART) dengan segera dan efektif. Apabila situasi ini wujud maka ia dapat memanjang jangka hayat dan meningkatkan imunisasi dalam badan mereka. Bagi sesetengah 'setting' intervensi VCT telah diiktiraf oleh WHO dan UNODC dalam proses membangunkan garis panduan kaunseling berkaitan HIV bagi golongan berisiko seperti IDU (WHO, 2007; WHO & UNODC, 2009).

Selain itu, kepentingan kajian ini ialah untuk melihat tahap kesediaan IDU untuk menjalani ujian VCT itu sendiri. Adakah IDU dalam NSEP bimbang mengetahui status mereka apabila berhadapan dengan isu-isu HIV/AIDS dan faktor-faktor lain yang menyebabkan ketidaksediaan untuk melakukan VCT.

Kajian ini sangat penting kepada golongan IDU agar dapat memperkasakan pengetahuan HIV/AIDS kepada mereka ke arah mencegah penularan epidemik HIV/AIDS dalam kelompok IDU. Indikator berkaitan dengan VCT seperti melihat peratusan IDU yang menerima ujian antibodi HIV dan mengetahui keputusan ujian tersebut telah diaplikasikan dalam survei berkaitan tingkah laku IDU dalam program pencegahan epidemik HIV/AIDS di kebanyakan negara yang melakukan program penilaian dan pemantauan program-program pengurangan kemudaratan (WHO, UNODC & UNAIDS, 2009; FHI 2000). Indikator ini juga merupakan indikator asas bagi UNGASS dalam penyediaan laporan berkaitan dengan pemantauan dalam Deklarasi Komitmen dalam HIV/AIDS 2008.

Tingkah laku semasa menyuntik dadah, sebelum ini merupakan aktiviti-aktiviti berisiko tinggi, yang sering menjadi faktor epidemik HIV dalam kalangan IDU. Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat secara terperinci sebarang perubahan tingkah laku yang berkaitan. Pengukuran tahap tingkah laku boleh diklasifikasikan berubah atau tidak berubah melalui amalan tingkah laku menyuntik IDU yang telah berdaftar sebagai klien dalam NSEP. Sebarang perubahan yang berkaitan dengan tingkah laku menyuntik secara pengurangan risiko akan menterjemahkan kepada



satu trend peningkatan kesedaran dalam penjagaan kesihatan dalam kalangan IDU. Perubahan tingkah laku dalam kumpulan IDU yang merangkumi IDU muda dan IDU yang telah lama terlibat dalam aktiviti menyuntik akan mengurangkan infeksi HIV/AIDS dan HCV.

Selain itu perubahan tingkah laku dalam aktiviti hubungan seks juga penting dalam melihat kepentingan kajian ini seperti kesedaran dalam aktiviti hubungan seks pengurangan risiko seperti penggunaan kondom dan penggunaan kondom secara betul. Bagi memastikan tingkah laku hubungan seks pengurangan risiko diamalkan, intervensi bagi mengurangkan epidemik HIV melalui hubungan seks ialah menyediakan kondom dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan seks (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006; Des Jarlais & Semaan, 2005). Hubungkait dalam perubahan tingkah laku menyuntik dan hubungan seks jelas mempunyai perkaitan dengan pengetahuan mengenai pengetahuan yang tepat dan jelas mengenai HIV/AIDS, HCV dan perkhidmatan rujukan yang disediakan dalam NSEP. Namun, terdapat juga faktor luaran yang mempengaruhi kepada pembentukan tingkah laku menyuntik dan hubungan seks yang berisiko tinggi.

Sistem sokongan sosial yang diperoleh IDU dapat meningkatkan kefungsi sosial dalam kehidupan seharian mereka. Sistem sokongan sosial seseorang IDU yang sering disisihkan harus dilihat dari tiga dimensi iaitu sistem sosial mikro, mezzo dan makro kerana ketiga-tiga sistem sokongan sosial ini saling berhubung-kait antara satu sama lain. Sekiranya salah satu sistem sosial ini terjejas, maka seseorang IDU akan menghadapi kesukaran dalam kehidupannya sehingga menjejaskan kesejahteraan hidupnya. Secara tidak langsung perkara ini boleh menyebabkan seseorang IDU tidak mempunyai keyakinan dan keprihatinan terhadap diri sendiri untuk hidup dengan tahap kesihatan yang baik.

Jurang yang secara realitinya memang telah wujud akibat daripada undang-undang berkaitan dengan pencegahan pemilikan dan penggunaan dadah, stigma serta diskriminasi oleh sistem sosial itu sendiri, dalam membentuk satu tingkah laku penyisihan di kalangan IDU. Kajian ini juga penting untuk melihat sebarang tekanan daripada sistem sosial itu sendiri iaitu menjadi penghalang kepada perubahan tingkah laku berisiko tinggi.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat meneroka implikasi ke atas praktis kerja sosial dan mengenalpasti serta membentuk strategi yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial dalam meningkatkan lagi keberkesanan NSEP ke arah pembentukan tingkah laku pengurangan risiko. Strategi yang bersesuaian dengan praktis kerja sosial boleh dimainkan oleh pekerja sosial dalam membentuk strategi proses pertolongan kepada IDU dan pembentukan strategi ini nanti dapat menjadi kekuatan dan satu anjakan kepada profesyen kerja sosial berkaitan proses pertolongan dalam meningkatkan kefungsi sosial IDU kelak. Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi satu sumbangan dalam kajian yang berkaitan dengan isu-isu seperti tingkah laku dalam konteks pengurangan risiko IDU dalam NSEP.

## **BAB 2**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji mengemukakan bahan bacaan dan kajian-kajian lepas yang telah ditemui di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, AIDS Action & Research Group(AARG), Malaysian AIDS Council (MAC), laman sesawang dan orang perseorangan yang berkaitan dengan isu HIV/AIDS, HCV dan NSEP serta komponen-komponen perkhidmatan yang ada dalam NSEP. Pengkaji memfokuskan kepada bahan bacaan dan kajian yang berkaitan dengan aspek-aspek penting seperti epidemik HIV/AIDS, faktor-faktor jangkitan HIV/AIDS, aktiviti penggunaan dadah yang berkaitan dengan HIV/AIDS, statistik HIV/AIDS yang berkaitan dengan penggunaan dadah secara suntikan, faktor-faktor jangkitan HCV, statistik HCV yang berkaitan dengan penggunaan dadah secara suntikan, kajian-kajian berkaitan amalan dan pengetahuan tingkah laku suntikan pengurangan risiko dan tingkah laku seks pengurangan risiko IDU dalam NSEP, kajian-kajian berkaitan NSEP dan IDU yang memberi implikasi kepada kerja sosial, peranan pihak KKM, peranan agensi pelaksana NSEP seperti AARG, dan peranan pekerja sosial berkaitan dengan program pengurangan kemudaratan seperti NSEP. Pengkaji juga mengemukakan kerangka teoritikal dan model, teori-teori, pengistilahan definisi, carta pelaksanaan kajian dan kerangka konseptual seperti huraian yang berikutnya.

#### **2.1 Epidemik HIV/AIDS**

Sehingga akhir Disember 2009, jumlah orang yang direkodkan dijangkiti oleh HIV ialah seramai 33.3 juta orang yang mana pada tahun 2009 sahaja sebanyak 2.6 juta orang dijangkiti oleh HIV(UNAIDS, 2010).

Sub- Sahara Afrika mengalami epidemik HIV/AIDS yang tertinggi di dunia dengan 22.5 juta kes yang merangkumi orang dewasa dan kanak-kanak. Perkara ini

terjadi disebabkan oleh tahap perubatan yang rendah dan liputan perkhidmatan yang terhad (UNAIDS, 2010). Manakala jumlah kematian yang disebabkan oleh AIDS lebih daripada 25 juta orang sejak ia dilaporkan pada tahun 1981 (UNAIDS, 2006). Pada tahun 2010 sahaja sebanyak 1.8 juta orang telah mati disebabkan AIDS yang mana Sub-Sahara Afrika merekodkan kematian tertinggi iaitu sebanyak 1.2 juta orang (UNAIDS, 2011).

Jadual 2.1.1 menunjukkan statistik epidemik HIV/AIDS secara global sehingga tahun 2014:

Jadual 2.1.1

*Ringkasan Global Epidemik HIV/AIDS 2014*

Negara	Orang dewasa dan kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS	Kes Terbaru Orang dewasa dan kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS	Kematian orang dewasa dan kanak-kanak yang akibat AIDS
Sub-Sahara Afrika	25.8 juta	1.4 juta	790,000
Afrika Utara & Asia Timur	240,000	22,000	12,000
Asia & Pasifik	5 juta	340,000	240,000
Amerika Latin	1.7 juta	87,000	41,000
Caribbean	280,000	13,000	8,800
Eropah Timur & Asia Tengah	1.5 juta	140,000	62,000
Amerika Utara Barat & Eropah Tengah	2.4 juta	85,000	26,000
Jumlah Sedunia	36.9 juta	2 juta	1.2 juta

*Sumber: WHO/UNAIDS/UNICEF (2015).*

Epidemik HIV/AIDS di Asia bermula pada tahun 1984 dan 1985 (Ruxrungham, Brown & Phanuphak, 2004). Jika diteliti rantau Asia Tenggara mengalami epidemik setelah empat tahun kes pertama dilaporkan di Los Angeles pada tahun 1981 (Fan, Conner & Villareal, 2004). Setelah itu, peningkatan epidemik ini telah bermula yang mana ianya mendadak sehingga 1% bagi negara Thailand

begitu juga negara-negara Asia Tenggara yang lain seperti Myanmar, Kemboja, Vietnam dan Laos turut menunjukkan peningkatan dan merupakan tren yang begitu tinggi dalam konteks epidemik HIV/AIDS sedunia seperti yang dibentangkan di Jadual 2.1.2 seperti berikut:

Jadual 2.1.2

*Statistik HIV/AIDS di Asia Tenggara 2009*

Statistik HIV/AIDS di Asia Tenggara 2009					
Negara	Thailand	Myanmar	Kemboja	Vietnam	Laos
Anggaran Jumlah Populasi	67,089,500	53,414,374	14,453,680	89,571,130	6,368,162
Anggaran individu hidup dengan HIV/AIDS	530,000	240,000	63,000	280,000	91,362
Anggaran perempuan hidup dengan HIV/AIDS	210,000	81,000	35,000	81,000	3,500
Anggaran kes prevalen orang dewasa	1.30%	0.60%	0.50%	0.40%	0.20%
Anggaran kematian disebabkan AIDS	28,000	18,000	3,100	14,000	<200

*Sumber: WHO, UNAIDS & UNICEF (2011).*

Jadual 2.1.3 berikut pula menunjukkan statistik epidemik HIV/AIDS di Malaysia pada tahun 2014:

Jadual 2.1.3

*Statistik Epidemik HIV/AIDS di Malaysia 2014*

Statistik HIV di Malaysia 2010	
Anggaran Jumlah Populasi	30,000,000
Anggaran individu hidup dengan HIV	105,189
Anggaran lelaki hidup dengan HIV	95,536
Anggaran perempuan hidup dengan HIV	11,653
Anggaran kematian disebabkan AIDS	17,096

*Sumber: Unit STD/AIDS, Kementerian Kesihatan Malaysia  
(Resource Centre, Malaysian AIDS Council, 2015).*

Kesimpulannya, sejak kes AIDS pertama di Malaysia dikesan pada tahun 1986 dan sejak itu berlakunya peningkatan kes yang mendadak dalam bilangan kes yang dilaporkan (Goh et al., 1987). Malaysia telah sampai di satu tahap iaitu dengan jangkitan 18 kes baru jangkitan HIV, 3 kes AIDS dan 3 laporan kematian akibat AIDS setiap hari (Chua Soi Lek, 2006). Malaysia, sehingga 2014, peratusan kes HIV yang telah dilaporkan adalah sebanyak 105, 189 kes (Resource Centre, Malaysian AIDS Council, 2015).

## **2.2 Faktor-Faktor Jangkitan HIV/AIDS**

Perkongsi peralatan menyuntik dadah seperti jarum dan picagari yang tidak steril dan tercemar merupakan satu cara jangkitan virus HIV. Kebiasaannya sejumlah darah akan memasuki jarum dan picagari apabila aktiviti suntikan dadah berlaku. Secara tidak langsung darah akan berpindah ke dalam peralatan menyuntik yang lain seperti sudu, tudung botol aluminium yang dipanggil sebagai “cooker”, alat penuras dan bekas air bagi tujuan penyebatian dan pembilasan. Darah yang tercemar dengan virus HIV, hepatitis dan lain-lain penyakit bawaan darah akan mudah merebak kepada IDU lain yang berkongsi peralatan-peralatan tersebut dengan risiko dijangkiti yang tinggi (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006).

Penggunaan dadah secara menyuntik adalah satu isu yang merebak dengan pantas di sekurang-kurangnya di 148 buah negara dengan jumlah 16 juta IDU secara keseluruhannya (The Lancet, 2010). Secara global, terdapat antara 2 hingga 3 juta IDU yang dijangkiti dengan HIV. Wabak di Eropah Timur, bekas Kesatuan Soviet dan bahagian-bahagian tertentu Asia telah berkembang melalui penggunaan dadah secara menyuntik. negara seperti Amerika Utara, Eropah Barat dan sebahagian

Amerika Latin dan Timur Tengah juga tidak ketinggalan dalam isu ini (UNAIDS, 2004). Bagi negara seperti Malaysia, Vietnam, China, Rusia dan negara-negara yang sedang membangun lebih daripada 60% adalah disebabkan oleh IDU (UNAIDS & WHO, 2004).

Dalam semua rantau, antara 60-90% daripada semua IDU adalah lelaki, terutamanya yang muda. Kebiasaannya IDU yang menyuntik dadah bagi kali pertama adalah sebelum berusia 20 tahun dan terdapat ramai IDU dalam lingkungan umur di bawah 25 tahun (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006).

IDU muda adalah berisiko tinggi mendapat jangkitan HIV berbanding IDU yang lebih berusia kerana mereka lebih berkemungkinan kurang sedar akan risiko-risiko HIV, berkemungkinan besar terlibat dalam tingkah laku penggunaan dadah yang berisiko, terutamanya perkongsian peralatan menyuntik. Berkemungkinan besar kurang maklumat mengenai HIV, peralatan suntikan yang steril, kondom serta kurang untuk mencari rawatan ubatan dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang lain (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan Jangkitan HIV/AIDS, 2006).

IDU juga berisiko dijangkiti virus HIV secara tingkah laku seks terutamanya apabila mereka melakukan hubungan seks ketika dibawah pengaruh dadah dan dalam situasi seperti ini, hubungan seks pengurangan risiko jarang sekali diamalankan. Terdapat IDU lelaki yang melakukan hubungan seks dengan pekerja seks wanita. Situasi di Karachi, Pakistan menunjukkan 47% IDU lelaki mengadakan hubungan seks dengan pekerja seks wanita (Emmanuel, 2008). Manakala separuh daripada mereka telah berkahwin (National AIDS Control Programme Islamabad, Pakistan, 2008). Prevalens HIV/AIDS melalui hubungan seks di kalangan IDU merupakan satu kitaran dalam sistem penggunaan dadah.

Kesimpulannya, ramai IDU yang tidak menyuntik secara kekerapan yang tinggi tidak menyamakan diri mereka sebagai IDU namun IDU yang masih muda, baru berjinak-jinak dan sekali-sekala menggunakan dadah secara suntikan dengan kekerapan menyuntik yang rendah juga diklasifikasikan berisiko dijangkiti HIV. Seringkali kesukaran berlaku dalam mencapai dan menyakinkan golongan ini bahawa mereka juga berisiko (UNAIDS & WHO, 2005).

### **2.3 Penggunaan Dadah Secara Suntikan**

Dianggarkan 200 juta orang yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah yang mana 10 hingga 15 juta penagih menggunakan jarum suntikan (UNAIDS & WHO, 2005). Jangkitan HIV/AIDS dilaporkan di 114 negara disebabkan oleh penggunaan jarum suntikan. Dua wabak global iaitu penggunaan dadah secara menyuntik dan HIV/AIDS telah lama wujud dan meningkat di mana golongan IDU mempunyai akses yang terhad kepada program pengurangan kemudaratan.

IDU merupakan kumpulan fokus utama yang penting yang perlu diberi perhatian dalam epidemik HIV/AIDS (UNODC, ILO & Centre For Drug Research, Universiti Sains Malaysia, 2004). Pelakuan berisiko tinggi iaitu perkongsian jarum dan picagari merupakan penyumbang terbesar dalam dalam penyebab penyebaran wabak HIV/AIDS dikalangan pengguna dadah secara suntikan (UNAIDS & WHO, 2004).

Penggunaan dadah secara menyuntik adalah satu isu yang berkembang dengan pantas di lebih daripada 135 buah negara. Secara global, terdapat antara 2 hingga 3 juta IDU yang dijangkiti dengan HIV. Wabak di Eropah Timur, bekas Kesatuan Soviet dan bahagian-bahagian tertentu Asia telah berkembang melalui IDU (Program Latihan Bagi Polis: Strategi Efektif Bagi Mengurangkan jangkitan HIV/AIDS, 2006). Bagi negara-negara yang sedang membangun, lebih daripada 60% adalah disebabkan oleh pengguna dadah secara suntikan (UNAIDS & WHO, 2004).



Sebanyak 65% hingga 97% daripada pengguna dadah telah menggunakan heroin dan mengambilnya secara suntikan. Cara penyediaan heroin berubah mengikut kawasan dan peredaran waktu (Reid, Kamarulzaman, & Sran, 2005). Di Malaysia contohnya, sekitar tahun 1990an, heroin dicampurkan dengan air dan jus limau dengan tujuan memastikan ia kekal dalam bentuk cecair dalam masa yang lebih panjang dan diletakkan dalam sudu yang besar. Oleh kerana pada masa kini, heroin yang terdapat di pasaran boleh mengekalkan bentuk cecairnya dalam masa yang lebih lama, maka IDU pada masa kini hanya menggunakan penutup botol bagi menyediakannya selain daripada memudahkan untuk dibawa ke mana-mana (Reid, Kamarulzaman, & Sran, 2005).

Kesimpulannya, tingkah laku menyuntik telah didokumentasikan sebagai tingkah laku berisiko di kalangan IDU untuk menyebarkan HIV/AIDS di Asia lebih daripada 17 tahun yang lalu (UNODC, ILO & Centre For Drug Research, Universiti Sains Malaysia, 2004). Secara global, dadah yang digunakan untuk disuntik ialah heroin, amphetamine, kokain dan juga dadah-dadah yang lain. Walau bagaimanapun, di Asia Tenggara, dadah yang selalu digunakan untuk menyuntik ialah jenis heroin.

#### **2.4 Statistik HIV/AIDS Berkaitan Tingkah laku Penggunaan Dadah Secara Suntikan Dan Tingkah laku Hubungan Seks**

Bilangan negara yang melaporkan epidemik HIV dikalangan IDU semakin bertambah. Kekurangan minat untuk mencegah epidemik HIV dikalangan IDU adalah perkara biasa bagi sesebuah kerajaan yang memerintah sesebuah negara disebabkan oleh beberapa faktor seperti polisi, ekonomi dan sosial. Apabila pola jangkitan HIV semakin meningkat dan dianggap sebagai pandemik yang serius dan dianggap mengancam tahap kesihatan rakyat maka sesebuah kerajaan yang memerintah negara akan membentuk polisi berkaitan dengan pencegahan epidemik HIV. Polisi ini akan memberi impak dalam pencegahan penularan epidemik HIV